11

**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2012**

Rujukan : Bil (20)dlm.MBI.B1/12/1/11

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

22 Mei 2012

Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SEMAKAN SYARIKAT PEMBEKAL/KONTRAKTOR YANG PERNAH DITAWARKAN KONTRAK OLEH MBI ( MELALUI PENGGUNAAN SPBT MBI ON LINE ).**

Dengan segala hormatnya, saya memohon perhatian Y.Bhg.Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan Bandaraya telah membuat penambahbaikan dari segi semakan kontrak-kontrak yang pernah ditawarkan oleh pihak Majlis kepada sesebuah syarikat pembekal atau kontraktor melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE.

3. Untuk makluman, semakan melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE ini akan digunakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tender dan Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga. **SPBT - Modul Perolehan melalui [ Sub-Menu : Senarai Kontraktor Berjaya ]** ini membolehkan paparan skrin syarikat pembekal atau kontraktor yang pernah ditawarkan kontrak-kontrak oleh pihak Majlis sebelum ini. Ini akan menjadi salah satu indikator atau pertimbangan jawatankuasa dalam pemilihan syarikat pembekal atau kontraktor.

4. Oleh itu, Y.Bhg.Dato'/tuan/puan dipohon untuk mengambil maklum berkenaan semakan melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE ini. Ini bagi memastikan maklumat yang diperlukan terutamanya berkaitan tawaran kontrak kepada syarikat-syarikat pembekal atau kontraktor sebelum ini dapat dilihat dengan lebih cepat dan mudah oleh jawatankuasa yang terlibat. Penggunaan akan bermula pada bulan Jun 2012.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

***"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"***
***"INOVASI MEREALISASIKAN TRANFORMASI"***

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)**
Datuk Bandar Ipoh

11

**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 11/2012**

Rujukan : Bil (20)dlm.MBI.B1/12/1/11

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

22 Mei 2012

Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SEMAKAN SYARIKAT PEMBEKAL/KONTRAKTOR YANG PERNAH DITAWARKAN KONTRAK OLEH MBI ( MELALUI PENGGUNAAN SPBT MBI ON LINE ).**

Dengan segala hormatnya, saya memohon perhatian Y.Bhg.Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kewangan Bandaraya telah membuat penambahbaikan dari segi semakan kontrak-kontrak yang pernah ditawarkan oleh pihak Majlis kepada sesebuah syarikat pembekal atau kontraktor melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE.

3. Untuk makluman, semakan melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE ini akan digunakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tender dan Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga. **SPBT - Modul Perolehan melalui [ Sub-Menu : Senarai Kontraktor Berjaya ]** ini membolehkan paparan skrin syarikat pembekal atau kontraktor yang pernah ditawarkan kontrak-kontrak oleh pihak Majlis sebelum ini. Ini akan menjadi salah satu indikator atau pertimbangan jawatankuasa dalam pemilihan syarikat pembekal atau kontraktor.

4. Oleh itu, Y.Bhg.Dato'/tuan/puan dipohon untuk mengambil maklum berkenaan semakan melalui penggunaan SPBT MBI ON LINE ini. Ini bagi memastikan maklumat yang diperlukan terutamanya berkaitan tawaran kontrak kepada syarikat-syarikat pembekal atau kontraktor sebelum ini dapat dilihat dengan lebih cepat dan mudah oleh jawatankuasa yang terlibat. Penggunaan akan bermula pada bulan Jun 2012.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

***"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"***
***"INOVASI MEREALISASIKAN TRANFORMASI"***

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)**
Datuk Bandar Ipoh